

Sikap Guru Sekolah Rendah Terhadap Pentaksiran Untuk Pembelajaran : Sorotan Literatur Bersistematik

Siti Aishah Wan Oya, and Zaimuariffudin Shukri Bin Nordin

Abstrak - Guru adalah agen perubahan dan melahirkan generasi yang berpotensi dalam persediaan cabaran global. Oleh hal itu, pentaksiran untuk pembelajaran adalah merupakan antara satu mekanisme yang digunakan untuk meningkatkan prestasi murid dan berupaya membantu guru dari aspek kualiti pengajaran di dalam bilik darjah. Maka kertas kerja ini berbentuk kertas konsep untuk meneroka sikap guru terhadap pentaksiran untuk pembelajaran sekaligus memahami kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru. Terdapat 1,538 artikel yang diterbitkan dari tahun 2019 hingga tahun 2023 telah diakses dari pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*. Sebelum memulakan tinjauan, kriteria kemasukan dan pengecualian telah dilakukan. Kaedah kualitatif digunakan dengan menganalisis kandungan dan penyaringan artikel menggunakan garisan panduan *PRISMA*. Kajian ini telah membahagikan carian berdasarkan tiga tema perubahan dalam pentaksiran bilik darjah, kepentingan, kursus dan analisis statistik. Tema perubahan dalam pentaksiran bilik darjah, kepentingan, dan kursus menjadi perhatian utama pengkaji dengan hasil penemuan sebanyak 5 artikel. Dari tinjauan ini, hasil dapatan menunjukkan bahawa sikap positif guru terhadap pentaksiran untuk pembelajaran memberikan impak prestasi murid. Diharapkan kertas ini dapat menyumbang pengetahuan mengenai sikap positif guru dalam melaksanakan pentaksiran berdasarkan pelbagai kecerdasan murid.

Keywords – Kata kunci -Pentaksiran untuk pembelajaran, guru, sikap, kekangan, cabaran pentaksiran


I. PENGENALAN

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah merupakan salah satu program berupaya meningkatkan prestasi murid dengan melaksanakan penilaian yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Pdp) bagi memperoleh maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Ini adalah usaha penyelidikan Scriven (1967) yang memperkenalkan pentaksiran formatif dan sumatif.

Sejak itu, tahun 1976 hingga 2023, selama 47 tahun menunjukkan terdapat 1,538 penyelidikan telah dibuat terdiri dari pelbagai negara. Berbanding di Malaysia bermula 2006 hingga 2023, selama 17 tahun hanya terdapat 43 penyelidikan dijalankan dari kutipan pangkalan *Scopus*. Jelas PBD telah lama digunakan dalam sistem pendidikan di seluruh dunia (Arumugham, 2020). Penyelidikan ini semakin mendapat perhatian daripada penyelidik-penyelidik dari Malaysia dan peningkatan jumlah kajian pada tahun 2022 dengan 12 penyelidikan berbanding sebelum ini 1 hingga 4 penyelidikan sahaja.

Lebih-lebih lagi, sistem pendidikan Malaysia telah dikritik yang terlalu berorientasikan kepada peperiksaan semata-mata untuk mengukur dan meningkatkan prestasi

murid adalah dianggap tidak efektif (Black & Wiliam, 2018). Bukan itu sahaja, Laporan PISA 2018 dalam rajah seperti di bawah:



Rajah 1. Kedudukan Malaysia dalam Domain Literasi Bacaan dalam PISA 2018

Dalam penyertaan 78 negara, kedudukan negara Malaysia ialah pada Aras 2. Jelas menunjukkan sistem pendidikan perlu diberikan perhatian dan penambahbaikan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti ke arah negara maju. Tambahan lagi, Laporan Kebangsaan PISA 2018 juga mencatatkan peratusan pencapaian dalam rajah seperti di bawah:

Aras penguasaan	PISA 2009+ %	PISA 2012 %	PISA 2018 %
Murid berpencapaian rendah (purata skor di bawah Aras 2)	44.0	52.7	45.8
Murid berpencapaian tinggi (purata skor pada Aras 5 dan ke atas)	0.1	0.1	0.5

Rajah 2. Peratus Murid Malaysia yang berpencapaian rendah dan berpencapaian tinggi dalam Literasi Bacaan

Terdapat peningkatan sebanyak 0.4 % dalam kalangan murid berprestasi tinggi apabila dibandingkan dalam tiga pusingan PISA, iaitu PISA 2009, PISA 2012 dan PISA 2018. Hal ini berbeza bagi murid berprestasi rendah. Walaupun terdapat penurunan pencapaian yang signifikan iaitu sebanyak 6.9 % antara PISA 2012 dengan PISA 2018, peratusan bagi murid berprestasi rendah dalam PISA 2018 (46%) adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan PISA 2009 (44%) iaitu apabila Literasi Bacaan merupakan domain utama.

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan Malaysia bertindak responsif dengan merangka beberapa dasar pendidikan yang sejajar dengan matlamat menghasilkan modal insan berkualiti, untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan negara.

Dalam usaha ini, Kementerian merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk memastikan mutu kurikulum dalam sistem pendidikan standing dengan kualiti antarabangsa.

II. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kementerian juga memperkenalkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bermula 2013 iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Namun pelaksanaan PBS mengalami penambahbaikan pada tahun 2018 dengan memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan dilaksanakan pada tahun 2019 serta pemansuhan peperiksaan murid tahap satu.

Dalam pelaksanaan program ini, guru adalah merupakan agen pelaksanaan dan juga sebagai agen perubahan. Jelas dalam perbincangan Wright, S. P., Horn, et al (1997) menyatakan penglibatan guru sangat mempengaruhi proses peningkatan perkembangan murid malah turut dipengaruhi oleh budaya sosial, tahap pelbagai kecerdasan berbeza dan saiz kelas.

Begitu juga, perbincangan Trani, J.F. et al (2023) juga menekankan bahawa meningkatkan kualiti pendidikan harus melibatkan penyediaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang baik, pedagogi berpusatkan kanak-kanak, hubungan penyayang, penglibatan ibu bapa, komuniti inklusif, dan rasa hormat terhadap guru.

Rentetan daripada pelbagai isu dalam pelaksanaan Pentaksiran Sekolah (PS), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah juga melakukan penambahbaikan Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi 2, 2019 untuk membantu guru – guru di sekolah. Ini jelas dalam perbincangan Davidson, C (2023) menyatakan bahawa pelaksanaan pentaksiran akan berjaya jika guru mendapat sokongan daripada Kementerian.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBD masih juga menghadapi cabaran dan kekangan (Omar, S. S. H. W. (2019). Seiring dengan penyelidik Perkins, D.N. (1992), berpendapat konsep kecerdasan dilihat sebagai sesuatu yang dapat diperoleh dan dicapai, bukan sebagai sifat tetap. Ini

menekankan perlunya fokus pada pemahaman daripada hanya mengutamakan tutorial untuk pembelajaran, bukan semata-mata peperiksaan, serta penilaian untuk pembelajaran, bukan semata-mata peperiksaan.

Penyelidik Brown, G. T. (2019) juga mempertikaikan kesahihan menganggap pentaksiran untuk pembelajaran (PUP) sebagai penilaian. Penyelidik berpendapat bahawa PUP ialah pendekatan kurikulum pedagogi yang mempunyai beberapa aspek proses penilaian. Tambahan pula, kita tidak dapat mengetahui sama ada tafsiran tersebut cukup tepat untuk membimbing interaksi bilik darjah.

Begitu juga dalam perbincangan Goh, R. & Kiat Tan, K. (2023) pula mendapati lima konsepsi guru tentang maklum balas pentaksiran yang menjelaskan sifat penglibatan maklum balas yang tidak statik. Oleh kerana pengajaran memerlukan bukti kukuh untuk menyokong keputusan yang dibuat tentang murid dan guru, amalan yang biasanya dikaitkan dengan PUP tidak dapat memberikan bukti yang mencukupi untuk mendasarkan apa-apa selain daripada interaksi pengajaran.

III. METODOLOGI


Tujuan kajian

Tujuan utama kertas konsep ini dijalankan untuk merungkai dan memahami secara mendalam sikap guru. Melalui pendekatan literatur bersistematik, (Post et al.2020). diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap guru dalam konteks pentaksiran PdP, yang seterusnya dapat memperkukuhkan amalan pentaksiran di sekolah rendah (Sascha Kraus et al. 2022). Oleh itu, sorotan literatur secara sistematik ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Bagaimanakah sikap guru sekolah rendah terhadap pentaksiran untuk pembelajaran?

Hasil dapatan daripada analisis artikel-artikel tertib dari tahun 2019 hingga tahun 2023, diharap dapat memberi pendedahan dan maklumat yang lebih menyeluruh terhadap PUP serta isunya kepada pembaca atau penyelidik pada masa akan datang secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pembangunan pentaksiran.

Untuk melaksanakan sorotan literatur bersematik, Xiao, Y., & Watson, M. (2019) mencadangkan lima fasa, iaitu fasa merangka persoalan untuk tinjauan, fasa mengenal paa artikel yang berkaitan, fasa menilai kualiti penyelidikan, fasa meringkaskan eviden atau bukti dan fasa mentaksirkan hasil dapatan. Kelima-lima fasa ini telah disenaraikan dan dilustrasikan dalam rajah di bawah:



Rajah 3.Fasa Sorotan Literatur Sismatik

Fasa 1 : Fasa Merangka Persoalan untuk Sorotan Kajian (Framing Question For Review)

Dalam fasa ini, persoalan kajian perlu dijana sebelum menjalankan sesuatu sorotan kajian literatur sistematik. Kertas ini mengemukakan satu persoalan kajian yang berkaitan PUP. Hal ini demikian untuk memahami kekangan dan cabaran yang dilalui oleh guru melaksanakan PUP di sekolah.

Fasa 2: Fasa mengenalpasti tugas yang berkaitan (Identifying Relevent Work)

Dalam fasa ini, proses pencarian yang telah dilaksanakan dan proses ini merangkumi dua langkah iaitu mengumpulkan semua artikel yang berkaitan dengan carian awal dan seterusnya memilih artikel berdasarkan kriteria yang ditetapkan supaya data yang diperolehi berada dalam skop kajian. Misalnya proses pencarian telah dijalankan melalui dua pangkalan data iaitu Scopus dan Google Scholar dan seterusnya artikel-artikel ini ditapis semula dengan kriteria penyertaan dan pengecualian yang ditetapkan.

Antara kriteria yang perlu dipatuhi ialah artikel itu hendaklah telah diterbitkan dalam 5 tahun terkini iaitu dari tahun 2019 hingga tahun 2023. Selain itu bahasa yang digunakan dalam artikel jurnal Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja

Manakala beberapa kata kunci telah digunakan semasa mencari artikel, iaitu “assessment for learning” dan “pentaksiran untuk pembelajaran” seperti dalam rajah di bawah.

Pangkalan Data	Kata kunci
Scopus	TITLE-ABS-KEY (“attitude” AND “assessment for learning” OR “assesment for learning”
Google Scholar	“sikap” AND “pentaksiran untuk pembejaran”, “pentaksiran untuk pembelajaran”

Rajah 4.Kata Kunci Carian Artikel

Fasa 3 : Fasa Menilai Kualiti (Assesing The Quality Of Studies)

Dalam fasa ini, kriteria inklusi dan pengecualian telah digunakan untuk menilai kualiti sorotan literatur sistematik ini. Menurut Xiao, Y., & Watson, M. (2019), kriteria inklusi digunakan untuk mengenal pasti kajian yang diambil kira dalam sorotan literatur sistematik ini. Oleh itu, dalam proses pencarian ini, kriteria inklusi seperti tahun tertiban dan bahasa telah digunakan untuk mengenalpasti kajian yang akan dimasukkan dalam tinjauan ini setelah pemilihan artikel awal.

Manakala untuk kriteria pengecualian, kajian-kajian seperti disertasi, bab, kajian tindakan dan sorotan kajian tidak akan dimasukkan dalam pemilihan artikel. Kriteria-kriteria ini ditetapkan adalah bertujuan untuk memastikan artikel yang dipilih dapat menjawab persoalan kajian sehingga menyempurnakan sorotan literatur sistematik ini dengan berkesan.

Kriteria Umum	Kriteria Penerimaan	Kriteria Penolakan
Tahun terbitan	2019 - 2023	Selain dari 2019 -2023
Negara	Malaysia	Lain-lain Malaysia
Jenis dokumen	Artikel jurnal, prosiding dan tesis	Buku
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Lain-lain bahasa
Jenis sekolah	Sekolah Rendah	Lain-lain Sekolah Rendah


Rajah 5.Kriteria Pemilihan Artikel

Fasa 4: Fasa Meringkaskan Eviden dan Bukti (Summarizing The Evidence)

Dalam fasa ini, semua kajian lepas yang diperolehi dari pangkalan data Scopus dan Google Scholar akan ditapis semula dengan kriteria -kriteria dan kata-kata kunci yang ditetapkan. Akhirnya, hanya terdapat 5 buah artikel sahaja yang menepati kriteria-kriteria dan kata-kata kunci yang ditetapkan. Maka, ringkasan perisian proses pencarian ini telah ditunjukkan pada rajah di bawah dengan menggunakan carta aliran PRISMA.

Fasa 5: Fasa Mentaksirkan Hasil Dapatan (Interpreting The Findings)

Dalam fasa ini, hasil dapatan daripada 5 buah artikel tersebut akan dianalisis dengan terperinci dalam sorotan literatur sistematik ini. Artikel-artikel yang dipilih ini telah dianalisis berdasarkan persoalan kajian dan metodologi kajian iaitu sama ada pendekatan kualitatif, kuantitatif atau kaedah campuran.



Rajah 6 .Carta Alira PRISMA

IV. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan, hanya 5 artikel yang telah dipilih dalam sorotan literatur sistematik ini. Tajuk-tajuk tersebut telah disenaraikan dalam jadual di bawah

Bil	Tahun terbitan	Author	Tajuk
1	2019	Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019) <i>Pengetahuan, Kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah</i> . Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu / Malay Language Education (MjLEd), 9 (1) pp. 56-67. ISSN 2180-4842	Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah
2	2021	Fazel, Ismaeil and Mohamad Ali, Afiza (2021) <i>EAP teachers' knowledge and use of learning-oriented assessment: A cross-contextual study</i> . SYSTEM. ISSN 0346-2514 (In Press)	EAP teachers' knowledge and use of learning-oriented assessment: A cross-contextual study
3	2022	Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kutty. (2022) <i>Sikap Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah</i> . <i>Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities</i> (MJSSH), 7(5), #001522. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522	Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah
4	2022	Mahlambi, Sizore B. van den Berg, Geesje, & Mawela, Aiwei S. (2022). Exploring the use of assessment for learning in the mathematics classroom. <i>Journal of Education (University of Kwazulu-Natal)</i> , 8(9), 25-46. https://dx.doi.org/10.17159/2520-9868/89a02	Exploring the use of assessment for learning in the mathematics classroom
5	2023	Gebremariam HT and Gedamu AD (2023) <i>Primary school teachers' assessment for learning practice for students' learning improvement</i> . <i>Front. Educ.</i> 8:1145195. doi: 10.3389/educ.2023.1145195	Primary school teachers' assessment for learning practice for students' learning improvement

Jadual 1. Senarai tajuk-tajuk artikel terpilih

Artikel-artikel ini dapat merumuskan bahawa sikap guru sekolah rendah terhadap pentaksiran untuk pembelajaran adalah sentiasa positif. Guru juga sentiasa bersikap terbuka dan bersedia untuk menerima perubahan dalam sistem pendidikan adanya dengan bantuan dan sokongan daripada kementerian seperti menyediakan garis panduan pelaksanaan PBD sesuai dengan konteks kurikulum diperbaharui juga situasi semasa. Malah kementerian turut

mengadakan latihan dan kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman guru melaksanakan PBD.

Perubahan Pentaksiran Bilik Darjah

Dalam perbincangan Sh Siti Hauzimah Wan Omar, (2019) meninjau tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD bersama 95 orang guru sekolah-sekolah pendalaman di daerah Betong, Sarawak. Penyelidik menggunakan borang soal selidik dan Statiscal Package For Special (SPSS) versi 22. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu telah bersedia melaksanakan PBD dengan setiap elemen adalah tinggi iaitu pengetahuan guru (min=4.075), kemahiran guru (min=4.037) dan sikap guru (min=4.078). Implikasi kajian ini ialah guruguru Bahasa Melayu telah bersedia untuk melaksanakan PBD walaupun pelaksanaan PBD merupakan satu yang baharu diperkenalkan oleh KPM. Namun pelaksanaan PBD adalah rendah kerana menghadapi banyak bebanan tugas rasmi lain dan kekangan masa untuk menghasilkan instrument pentaksiran.

Berbeza dengan perbincangan dalam Lee, Hoi Yeh (2019) menyatakan bahawa PBD berupaya membantu guru mendapatkan maklum balas tentang kekuatan dan kelemahan murid. Namun budaya peperiksaan sukar diubah sehingga sukar menentukan sistem rubrik dan pentaksiran dengan sempurna. Jelas menunjukkan kesediaan guru masih kurang bersedia PBD PSV terutamanya bukan opsyen selama ini sebagai mata pelajaran elektif dan kurang dititikberatkan. Justeru itu, kerjasama daripada semua pihak penting menyempurnakan cabaran dalam pelaksanaan PBD.

Dalam perbincangan Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kutty. (2022) berpendapat sikap positif guru akan memberi kesan positif dalam melaksanakan PBD sekaligus melahirkan murid yang berkebolehan. Ini adalah kerana PUP berupaya membantu guru merancang Pdp sesuai dengan keupayaan dan maklum balas murid Arumugham, K. S. (2020).

Keputusan Pentaksiran Bilik Darjah

Begitu juga dengan perbincangan Fazel, Ismaeil & Mohamad Ali, Afiza (2021) menyatakan PBD telah mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam dekad yang lalu ialah 'penilaian berorientasikan pembelajaran', berkonsepkan sebagai pentaksiran yang memberi keutamaan kepada orientasi pembelajaran pentaksiran bilik darjah, memberi penekanan khusus kepada penglibatan aktif pelajar dalam pentaksiran dan maklum balas (Carless, 2015; Turner & Purpura, 2015).

Jelas menunjukkan penekanan latihan dan perkembangan professional wajar diberi perhatian oleh kementerian agar memastikan PBD dilakukan dengan berupaya melahirkan modal insan berkualiti.

Walau bagaimanapun, dalam perbincangan Brown, G. T. (2019) mempertikaikan kesahihan menganggap pentaksiran

untuk pembelajaran (PUP) sebagai penilaian. Penyelidik berpendapat bahawa PUP ialah pendekatan kurikulum pedagogi yang mempunyai beberapa aspek proses penilaian. Tambahan pula, kita tidak dapat mengetahui sama ada tafsiran tersebut cukup tepat untuk membimbing interaksi bilik darjah. Lebih-lebih lagi PBD menggunakan tahap penguasaan yang mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai secara holistik yang telah ditetapkan dalam kurikulum.

Perbincangan Gebremariam HT and Gedamu AD (2023) mendapati penilaian amalan pengajaran dalam konteks cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah rendah. Implikasi penyelidikan ini juga sekaligus dapat meningkatkan amalan pentaksiran di dalam bilik darjah.

Kurus dan Latihan

Dalam perbincangan Kannan, B., Pillai, R. V., & Kunhikannan, S. K. (2021) juga berpendapat pelaksanaan bengkel PBD memberi kesan yang positif kerana sebanyak 97.3 peratus guru SJKT Daerah Gombak dan Hulu Selangor menyatakan mereka memperolehi bengkel selama sehari dan bersedia melaksanakan PBD di sekolah masing-masing walaupun pentaksiran ini sesuatu yang baharu bagi mereka.

Perbincangan Mahlambi, Sizwe B, van den Berg, Geesje, & Mawela, Ailwei S. (2022) menyokong bahawa keberkesanan menghadiri bengkel dan kursus seperti pembangunan pentaksiran dapat meningkatkan amalan pentaksiran dan memahami murid untuk menghasilkan instrumen PUP dengan pelbagai kecerdasan.

Namun dalam perbincangan kajian (Anuar & Tahar, 2020) menyatakan pula kursus dan pengalaman bukanlah faktor utama yang mempengaruhi kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap kejayaan pelaksanaan Kurikulum Semakan Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK).

V. KESIMPULAN

... Guru sebagai agen pelaksana atau agen perubahan dalam pelaksanaan PBD wajar mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak berkepentingan termasuk ibubapa dan murid-murid. Oleh hal itu, guru memerlukan latihan tambahan bagi merealisasikan hasrat SDG untuk pendidikan berkualiti. (Nakidien et al., 2021) Bukan sekadar latihan untuk memantapkan pelaksanaan PUP tetapi integrasi kecekapan global dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru dapat menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan kualiti pendidikan. (Yacob et al., 2022).

Begitu juga dengan perbincangan (Rahman Talukder et al., 2021) bahawa latihan guru semasa perlu disemak semula dengan cabaran utama guru untuk mengajar secara berkesan ialah saiz kelas yang besar, bahan yang tidak mencukupi, kekurangan pengetahuan dan kemahiran guru, ketiadaan

penilaian untuk strategi pembelajaran, peluang yang tidak mencukupi untuk pembangunan profesional dan kualiti sokongan yang lemah daripada pihak berkepentingan.

Secara kesimpulannya, perbincangan dalam kertas ini boleh sebagai kajian empirikal yang perlu dijalankan untuk memahami tujuh strategi amalan Pup dari aspek sikap guru yang telah dikaji oleh pengkaji lepas. Justeru, penelitian yang sistematik perlu dilaksanakan untuk meneroka strategi amalan yang mempunyai amalan sederhana dengan amalan sesekali sahaja dilaksanakan oleh guru. Hal ini kerana, jika terdapat strategi amalan PUP lain, kerangka konseptual yang dibangunkan boleh dikukuh adanya dapatan kajian terbaru. Makanya hasil dapatan kajian pada masa hadapan akan lebih mantap dan menyumbang kepada amalan Pup dalam PdP. Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada warga pendidik semua tahap pendidikan untuk memantapkan kualiti PdP.

VI. RUJUKAN

- Anuar, S. N., & Tahar, M. M. (2020). Influences of Courses and Experiences on the Readiness of Core Subject Teacher in Implementing Special Education Primary School Standard Curriculum (KSSRPK) Learning. *Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH)*, 4. <https://doi.org/10.32698/GCS-04306>
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and Classroom Learning. *Assessment in Education. Assessment in Education*, 5, 7-74. <http://dx.doi.org/10.1080/0969595980050102>
- Brown, G. T. (2019, June). Is assessment for learning really assessment?. In *Frontiers in Education* (Vol. 4, p. 64). Frontiers Media SA
- Corinne Post; Riikka Sarala; Caroline Gatrell and John E. Prescott, (2020), Advancing Theory with Review Articles, *Journal of Management Studies*, 57, (2), 351-376
- Davison, C. (2023). Assessment Literacy: Changing Cultures, Enculturing Change in Hong Kong. *Chinese Journal of Applied Linguistics*, 46(2), 180-197. <https://doi.org/10.1515/CJAL-2023-0203>
- Fazel, Ismaeil and Mohamad Ali, Afiza (2021) *EAP teachers' knowledge and use of learning-oriented assessment: A cross-contextual study*. SYSTEM. ISSN 0346-251X (In Press)
- Goh, R. & Kiat Tan, K. (2023). Teachers' Qualitatively Different Ways of Experiencing Assessment Feedback: Implications for Teacher Assessment Literacy. *Chinese Journal of Applied Linguistics*, 46(2), 253-269. <https://doi.org/10.1515/CJAL-2023-0207>

- Nakidien, T., Singh, M., & Sayed, Y. (2021). Teachers and Teacher Education: Limitations and Possibilities of Attaining SDG 4 in South Africa. *Education Sciences*, 11(2), 66. <https://doi.org/10.3390/educsci11020066>
- Omar, S. S. H. W. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah (Knowledge, Skills, Attitude And Problem Of Teacher's In Implementing Classroom Assessment Malay Language In Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(3), 56-67.
- Perkins, D. N. (1992). *Smart schools: From training memories to educating minds*. Free Press.
- Sascha Kraus & Matthias Breier & Weng Marc Lim & Marina Dabić & Satish Kumar & Dominik Kanbach & Debmalya Mukherjee & Vincenzo Corvello & Juan Piñeiro-Chousa & Eric Liguori & Daniel Palacios-Marqués &, 2022. "Literature reviews as independent studies: guidelines for academic practice," *Review of Managerial Science*, Springer, vol. 16(8), pages 2577-2595, November
- Scriven, M. (1967). The methodology of evaluation. In Stake, R. E. (Ed.), *Curriculum evaluation* (pp. 39–83). Rand McNally.
- Spillane, J. P., Reiser, B. J., & Reimer, T. (2002). Policy Implementation and Cognition: Reframing and Refocusing Implementation Research. *Review of Educational Research*, 72(3), 387–431.
<http://www.jstor.org/stable/3515992>
- Trani, J.F., Yin, S., Rfat, M., McKown, M., Cartmill, M. K., Kaplan, L., Zhu, Y., Sohail. M., Bakhshi, P. (2023). "Teachers' Perspective on Accountability: A Case Study in Primary Rural Schools of Afghanistan and Pakistan." *Comparative and International Education*. DOI: <https://doi.org/10.1177/17454999231186878>
- Wright, S. P., Horn, S. P., & Sanders, W. L. (1997). Teacher and classroom context effects on student achievement: Implications for teacher evaluation. *Journal of Personnel Evaluation in Education*, 11(1), 57–67. <https://doi.org/10.1023/A:1007999204543>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>